

Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan

Tema

'Realiti dan Masa Depan Tahfiz Al-Quran di Malaysia'



Tarikh

17 hb Mei 2003 (Sabtu)

Tempat

**Auditorium Majlis Perbandaran Ampang
Jaya (MPAJ)
Pandah Indah, Kuala Lumpur**

Anjuran

**Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah
(FPQS)
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)**



Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

**Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran
Peringkat Kebangsaan**

Tema

**‘Realiti dan Masa Depan Tahfiz Al-Quran
di Malaysia’**

Tarikh


17 hb Mei 2003

Tempat

**Auditorium Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)
Pandan Indah, Kuala Lumpur**

Anjuran

**Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)**



Sekapur Sirih

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Pertamanya saya ingin mengucapkan syabas kepada pihak Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) KUIM kerana berjaya menganjurkan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada tahun 2003. Penganjuran seminar seperti ini penting bagi membantu masyarakat Islam mendapatkan maklumat terkini berhubung dengan pelbagai kaedah yang wujud dalam pengajaran Al-Quran masa kini.

Usaha yang dilaksanakan oleh FPQS merupakan satu sumbangan daripada pihak KUIM bagi membantu masyarakat Islam agar dapat menghayati dan mempelajari Al-Quran dengan lebih berkesan. Saya percaya, kesedaran masyarakat Islam tentang pentingnya pengajian Al-Quran telah menyebabkan permintaan terhadap pakar-pakar dalam bidang tahfiz semakin meningkat.

Penubuhan KUIM adalah untuk memberi peluang yang lebih luas kepada pelajar jurusan agama melanjutkan pelajaran pada peringkat pengajian tinggi, khususnya di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). Ini juga memperlihatkan kepekaan kerajaan tentang peri pentingnya pendidikan Islam dalam membentuk nilai-nilai murni di kalangan masyarakat. Justeru, KUIM sebagai sebuah Universiti yang bertanggungjawab membangunkan disiplin pengajian Islam yang bersesuaian dengan perkembangan semasa turut sama membantu dengan menganjurkan seminar seperti ini.

Semoga hasrat KUIM menjadi Universiti Awam yang mampu membentuk mahasiswa Islam yang berpendidikan sepadu antara teori dan amali dan membangunkan masyarakat akan tercapai hendaknya. Saya mendoakan agar seminar ini akan dapat menjadi asas untuk KUIM menjadi pusat rujukan berkaitan dengan pengajian dan pengajaran Al-Quran yang ulung di Malaysia mahu pun di peringkat antarabangsa.

Sekian, terima kasih.



Y.Bhg Tan Sri Dr. Mohamad Yusuf Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Seulas Pinang

Assalamualaikum warahmatullah Wabarakatuh dan salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) KUIM kerana berjaya menganjurkan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan pada hari ini. Usaha penganjuran ini menjadi asas penting dalam membantu mengumpulkan maklumat dan berkongsi idea untuk memajukan pendidikan Al-Quran di negara ini.

Bagi pihak pengurusan KUIM, saya percaya seminar ini akan dapat menghasilkan input yang berguna dan sudah tentunya menjadi rujukan penting dalam usaha memartabatkan pengajian Al-Quran untuk kesejahteraan masyarakat Islam.

Usaha FPQS KUIM ini merupakan titik tolak dalam usaha pihak KUIM mengadakan pelbagai lagi seminar dan diskusi yang mampu meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan pendidikan Islam dalam memajukan negara. Usaha murni ini sentiasa mendapat sokongan pihak pengurusan KUIM kerana kami yakin, seminar seperti ini mampu untuk membangunkan minda masyarakat Islam agar menghayati Al-Quran sebagai sumber ilmu yang terulung melalui penggunaan pelbagai teknologi yang ada pada hari ini.

Akhir kata, saya berharap agar seminar anjuran FPQS, KUIM ini dapat dijalankan seperti yang dirancang demi memastikan agenda pendidikan agama dapat dijayakan demi kemajuan bangsa, agama dan negara.

Tahniah dan terima kasih.



Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj. Husin
Rektor
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Secubit Gambir

Assalamualaikum Warahmatullah Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan syabas kepada Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), KUIM kerana berjaya menganjurkan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan sebagai seminar pertama anjuran fakulti ini.


FPQS adalah antara tiga buah fakulti terawal yang ditubuhkan oleh KUIM pada tahun 2000. Wawasan FPQS adalah selaras dengan penubuhan KUIM yang menjurus ke arah memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan di samping mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

Justeru, pembangunan akademik yang berkualiti tidak terbatas kepada pengajian di bilik-bilik kuliah semata-mata. Malah, pendidikan yang berkualiti ialah bagaimana ilmu yang ada itu dapat dimanfaatkan untuk kebajikan dan kemajuan masyarakat. Inilah asas utama yang KUIM harapkan melalui aktiviti persidangan seperti yang dianjurkan oleh pihak FPQS.

Saya berharap melalui seminar seperti inilah aktiviti persidangan dan penyelidikan di KUIM dapat disemarakkan lagi. Usaha ini penting bagi membantu masyarakat mengetahui pelbagai perkara seperti teknik dan kaedah terbaru yang wujud dalam pengajian Al-Quran.

Semoga usaha mengadakan seminar ini akan dapat merealisasikan harapan untuk menjadikan KUIM sebagai sebuah Pusat Ilmu Islam yang sesuai dengan peredaran semasa. Bersama-samalah kita memartabatkan pendidikan Islam demi keutuhan tamadun Islam hingga generasi akan datang.

Salam hormat.



Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin
Pengerusi

Jawatankuasa Persidangan dan Penyelidikan
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Sejambak Mawar

Assalamualaikum warahmatullah Wabarakatuh dan salam Sejahtera

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan KUIM kerana memberikan peluang untuk Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) menganjurkan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh pihak fakulti.

Antara objektif utama seminar ini adalah untuk mengumpul input-input dalam bidang tahfiz dan qiraat bagi didokumenkan di samping bertukar-tukar pengalaman dengan pihak yang telah berkecimpung dalam bidang ini. Selain itu juga, melalui seminar ini akan dapat mengenalpasti masalah dan halangan utama yang dihadapi oleh pihak Insituti Tahfiz al-Quran dalam menjalankan programnya. Objektif akhirnya pula adalah untuk membantu memberikan beberapa garis panduan tertentu bagi peningkatan bacaan dan tahfiz al-Quran kepada pihak penganjur di masa hadapan.

Saya berharap seminar ini akan dapat membantu memberikan maklumat-maklumat kepada pengamal dan juga pihak-pihak yang terlibat dalam menyusun kurikulum pengajian Al-Quran bagi meningkatkan mutu dalam bidang ini. Perkembangan teknologi masa kini telah memperlihatkan bahawa kaedah pengajaran Al-Quran tidak lagi bergantung secara tradisional. Penggunaan teknologi moden yang ada pada hari ini boleh membantu masyarakat mendalami Al-Quran dengan lebih berkesan.

Hasrat inilah yang menjadi tujuan utama bagi pihak FPQS mengambil inisiatif menganjurkan seminar ini. Justeru, saya berharap agar seminar ini akan menjadi ruang untuk semua pihak bersama-sama membantu membangunkan bidang pengajian Al-Quran dan meletakkan bidang ini di tempat yang utama dalam kehidupam masyarakat Islam.

Akhir kata, saya berharap agar seminar ini akan dapat mencapai objektifnya. Usaha dan kerjasama daripada semua pihak untuk menjayakan seminar ini amatlah dihargai. Semoga usaha FPQS akan dapat membantu melahirkan ramai hafiz dan hafizah yang membantu membimbing masyarakat dalam pengajian Al-Quran hendaknya.

Sekian dan terima kasih.



Hj. Mohd Alwi Yusoff
Pemangku Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Sedulang Rampai

Assalamualaikum warahmatullah Wabarakatuh dan salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang dianjurkan oleh Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) KUIM dapat dijayakan seperti yang dirancang.

Bagi pihak Urusetia, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih atas sokongan pihak pengurusan dan fakulti bagi membantu menjayakan seminar ini. Sesungguhnya, sokongan yang diberikan menjadi kekuatan untuk semua Urusetia berganding bahu menjayakan seminar ini dengan sebaik mungkin.

Seminar ini mempunyai asas penganjuran yang cukup jelas bagi membantu meningkatkan lagi bidang pengajian Al-Quran di Malaysia. Usaha seperti ini penting bagi kita melihat bagaimana perkembangan teknologi masa kini menuntut masyarakat Islam untuk turut sama menguasai ilmu yang ada. Justeru, pengajian Al-Quran pada hari ini dan akan datang semakin berkembang pesat sejajar dengan perubahan teknologi dan ilmu yang manusia miliki.

Saya percaya, seminar kali ini akan dapat memberikan banyak idea baru untuk dikongsi bersama oleh para peserta untuk membolehkan kaedah pengajaran dan tahfiz Al-Quran dapat dipertingkatkan lagi. Semua usaha ini memerlukan kerjasama antara individu, masyarakat, institusi awam dan swasta dan juga Universiti.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan ucapan penghargaan kepada semua pihak yang membantu menjayakan seminar ini. Segala kekurangan dan kesilapan yang wujud dalam seminar ini pihak kami memohon sebanyak kemaafan. Semoga apa yang dilaksanakan pada hari ini akan dapat membantu memartabatkan pendidikan Islam dan khususnya pengajian Al-Quran di tempat yang sewajarnya.

Sekian, salam hormat



Dr. Adel M. Abdul Aziz

Pengarah

Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran
Peringkat Kebangsaan

Pendahuluan

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS), Kolej Universiti Islam Malaysia, ditubuhkan bagi menyahut cabaran menyediakan tenaga mahir dalam bidang pengajian al-Quran, selaras dengan minat kerajaan dan masyarakat yang begitu ketara sekali dengan penubuhan Maahad Tahfiz dan pusat-pusat pengajian al-Quran seluruh negara. Pengambilan kumpulan pertama telah dibuat mulai sesi akademiik 2000/2001.

Di Malaysia terdapat pelbagai kaedah bacaan al-Quran yang diamalkan seperti *al-Baghdadiyah*, *al-Hattawiyah*, *Qiraati*, *Iqra'*, *al-Barqi*, *al-Banjari* dan sebagainya. Begitu juga dengan kaedah pengajaran tahfiz al-Quran di negara ini, yang mempunyai metod dan pendekatan yang berbeza-bagai.

Justeru itu, kaedah bacaan dan pengajaran tahfiz al-Quran yang sistematik dan metodologinya yang kemas adalah elemen penting dalam menjayakan usaha memartabatkan pengajaran al-Quran pada masa kini.

Oleh yang demikian, bagi membantu meningkatkan mutu dalam bidang tahfiz dan qiraat ini, FPQS mengadakan Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz Al-Quran Peringkat Kebangsaan.

Objektif



Objektif utama seminar ini diadakan adalah untuk mendapatkan input-input mengenai pelbagai metod-metod bacaan dan pengajaran tahfiz yang digunakan secara meluas di Malaysia. Manakala objektif-objektif lainnya pula ialah:

- i. Mengumpul input-input dalam bidang kaedah pengajaran dan tahfiz Al-Quran
- ii. Bertukar-tukar pengalaman sesama para pengajar terlibat, yang telah berkecimpung dalam bidang ini.
- iii. Mengenalpasti masalah dan halangan utama yang dihadapi oleh pihak Insitusi Tahfiz al-Quran dalam menjalankan programnya.

Meletakkan beberapa garis panduan tertentu bagi peningkatan bacaan dan tahfiz al-Quran kepada pihak penganjurnya di masa hadapan.

Tema

'Realiti dan Masa Depan Tahfiz al-Quran di Malaysia.'



Aturcara Perasmian

8.00 pagi - Pendaftaran peserta-peserta

8.45 pagi - Ketibaan Rektor KUIM



8.50 pagi - Ketibaan Perasmi

9.00 pagi - Aluan juru acara

- Ucapan Aluan oleh **Tuan Hj Mohd Alwi Bin Yusoff**
Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

- Ucapan Perasmian oleh **Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor**
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) KUIM

10.00 pagi - Minum pagi



Aturcara Perasmian Penutup

4.30 ptg - Ketibaan Rektor KUIM

- Aluan juru acara

- Ucapan Aluan oleh **Tuan Hj Mohd Alwi Bin Yusoff**
Pemangku Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

- Ucapan Perasmian Penutup oleh **Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj Husin**
Rektor KUIM

5.00 ptg - Jamuan

5.30 ptg - Bersurai

Aturcara Keseluruhan

- 8.00 - Pendaftaran
- 9.00 - Majlis Perasmian oleh:
Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) KUIM
- 10.00 pagi - Minum pagi
- 10.30 pagi - Sesi 1- Pengerusi Sesi 1
Tuan Hj Mohd Alwi Bin Yusoff,
Pemangku Dekan FPQS
- i) **'Kaedah Al-Barqy Dalam Pengajaran Al-Quran'**
oleh Us. Jalaluddin Hassanuddin
Perunding Kaedah Al-Barqi, al-Ameen Serve Holdings Sdn Bhd.
- ii) **'Kaedah Mudah Belajar Membaca al-Quran Bertajwid (Kalam):'**
Satu Kajian Ringkas oleh Us. Muhammad Mustaqim Bin Mohd Zarif, Pensyarah FPQS, KUIM
- iii) **'Kaedah Mudah Membaca al-Quran (al-Muyassar):'**
Satu Sorotan Metodologi. Oleh Ust. Mohd Zohdi Bin Mohd Amin, Pensyarah FPQS, KUIM.
- iv) **'Keberkesanan Kaedah Iqra' Dalam Pengajaran al-Quran.'**
Oleh Ahmad Kamel Bin Mohamed Pensyarah FPQS, KUIM.
- v) **Tahfiz Al-Quran: Sejarah dan Perkembangannya**
oleh En Syed Ahmad Tarmizi Bin Syed Omar,
Pensyarah FPQS KUIM
- 12.30 tgh - Sesi soal jawab
- 1.00 petang - Jamuan T.Hari / Solat Zohor

2.00 ptg

-

Pengerusi Sesi 2

Dr. Muhammad Yusuf Bin Khalid

Pensyarah Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam (FDPI), KUIM

i) **'Tahap-tahap Menghafaz al-Quran**

oleh Y.Bhg. Dato' Ismail Bin Mohamad Imam Besar, Masjid Putrajaya

ii) **'Kaedah-kaedah Menghafaz Al-Quran**

oleh Us. Zulkifli B. Ali

Pengetua Ma'ahad Tahfiz, Kuantan, Pahang

iii) **'Kaedah Pengajaran Hafazan al-Quran dalam Pelaksanaan Kelas Khas Kemahiran al-Quran di SMKA'**

oleh Dr. Adnan Yusop & En Zainul Arifien Md Jais (JAPIM).

iv) **'Hubungan Antara Kaedah Menghafaz al-Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wa al-Qraat Pelajar Semester Empat dan Lima di Maahad Tahfiz Wa al-Qiraat di Perak'**

oleh Tuan Hj Misnan Bin Jemali (UPSI)

v) **'Masa Depan Para Penghafaz Al-Quran dan Cabarannya'**

oleh Tn. Hj.. Wan Mohamad B. Abdul Aziz dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

4.00 ptg

-

Sesi soal-jawab

4.30 ptg

-

Majlis Penutup oleh:

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj Husin

Rektor KUIM

5.00 petang

-

Jamuan / Bersurai

*Kertas kerja sisipan

i) **'Ciri-ciri keperibadian seorang pengajar al-Quran al-Karim'**

oleh Dr Adel M.Abdulaziz, Pensyarah FPQS KUIM

ii) **'Peranan Bahasa Arab Dalam Pengajaran al-Quran'**

oleh Ust. Zainur Rijal Bin Abdul Razak, Guru Bahasa Arab, KUIM

Profile Kolej Universiti Islam Malaysia

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) telah diluluskan penubuhannya dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11hb. Jun, 1997 dan diwartakan pada 13hb. Mac, 1998. Ia ditubuhkan bertujuan untuk memperluas, memperkukuh dan meningkatkan kualiti pendidikan Islam di negara ini. KUIM memulakan tahun pengajiannya pada sesi akademik 2000/2001. Pada peringkat permulaan, tiga buah fakulti telah ditubuhkan iaitu Fakulti Dakwah Dan Pengurusan Islam; Fakulti Syariah Dan Kehakiman; Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah; dan juga Fakulti Ekonomi Dan Muamalat yang dimulakan pada sesi akademik 2002/2003.

Sejak mula beroperasi pada awal Januari 2000 yang lalu, KUIM telah menggunakan kemudahan yang ada di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) iaitu di Paras 5, Bangunan Fakulti Pengajian Islam, Bangi. Pada bulan April 2000, KUIM telah berpindah ke kampus semmentaranya yang terletak di Institut Profesional Baitulmal (IPB), Lot 1363 Jalan Perkasa, Off Jalan Kampung Pandan, 55100 Kuala Lumpur. Pengambilan pertama pelajar, iaitu seramai 255 orang telah dimulakan pada sesi akademik 2000/2001. Pada sesi/sesi berikutnya jumlah pengambilan pelajar semakin bertambah. Ini telah mendorong KUIM untuk mempertingkatkan lagi kemudahan prasarana pembelajaran serta penginapan. Oleh sebab itu, KUIM telah memperluaskan operasi ke kampus sementara kedua iaitu dengan menggunakan premis di Menara Pandan A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur. Mulai 21hb. Januari, 2002, semua operasi KUIM dilaksanakan sepenuhnya di kampus Menara Pandan A, Persiaran MPAJ ini sehinggalah kampus tetap KUIM di Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan siap dibangunkan pada tahun 2004 kelak.



Profile Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS) merupakan di antara tiga buah fakulti yang awal ditubuhkan KUIM. Fakulti ini ditubuhkan dengan objektif-objektif berikut:

- i) Melahirkan siswazah yang berkemampuan memahami dan mengambil hukum dari sumbernya yang asal iaitu al-Quran dan al-sunnah.
- ii) Mengeluarkan siswazah yang mempunyai kefahaman yang menyeluruh terhadap pemikiran Islam di bidang akidah, syariah dan akhlak yang berdasarkan al-Quran dan al-sunnah, di samping itu mereka juga memahami perkembangan pemikiran semasa.
- iii) Melahirkan tenaga manusia yang mampu menjalankan tugas dengan sempurna dalam masyarakat terutama dalam bidang Pengajian al-Quran dan al-sunnah seperti guru, penyelidik dan pegawai.

FPQS telah memulakan sesi akademik pada tahun 2000 dengan pengambilan pelajar sulung seramai 82 orang. Hingga sesi akademik 2002/2003, jumlah pelajar FPQS ialah seramai 367 orang. Graduan kumpulan pertama FPQS dijangka akan menerima ijazah mereka pada Konokesyen sulung KUIM pada bulan Ogos 2003 nanti.

Bagi perancangan jangka panjang FPQS pula, beberapa lagi program akademik baru sedang dirancang dan bakal dilaksanakan bagi memenuhi keperluan negara dalam bidang ini. Selain itu juga, pihak FPQS mengambil kira penawaran program baru dengan prospek kerjaya graduan di samping selari dengan perkembangan teknologi masa kini.

Manakala daripada aktiviti pembangunan akademik dan sahsiah pelajar pula, terdapat banyak aktiviti dijalankan dari semasa ke semasa seperti mengadakan Nadwah Ilmiah, Pertandingan Menghafaz Al-Quran, Bengkel Pengukuhan Akademik dan Bahasa dan sebagainya. Selain itu, juga, kakitangan FPQS aktif dalam mengadakan penyelidikan yang bersangkutan dengan kehidupan masyarakat dan berkaitan dengan pengajian al-Quran dan hadis.

Pihak FPQS berharap, pada masa akan datang fakulti ini boleh menjadi contoh dan rujukan dalam bidang pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Semoga usaha murni FPQS ini akan mendapat sokongan daripada semua pihak bagi memartabatkan pendidikan Islam.

Kakitangan Akademik

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)

Pemangku Dekan

Tuan Hj. Mohd Alwi Yusoff

Sijil Tertinggi, Dip. Pend. (Kolej Islam Malaya), M.A. (al-Azhar), Dip. Pend. Khas ('Ain Shams),
Senior Management Certificate (Manchester)

Pensyarah

Dr. Adel M. Abdulaziz

B.A. (Sebha, Libya), al-'Aliya (al-Fateh, Libya), S.P.I, Ph.D (UK Malaysia)

Dr Afaf Abdul Ghafoor Hameed

al-'Aliya (Baghdad), M.A. (Umm al-Qura), Ph.D (UK Malaysia)

Dr. Muhamed Abdullahi Nur

B.A. (Saddam), M.A. (Saddam), Ph.D (Baghdad),

Encik Ahmad Kamel Mohamed

al-'Aliya (al-Azhar), S.P.I (UK Malaysia)

Encik Mohd Fauzi Mohd Amin

al-'Aliya (al-Azhar), S.P.I (UK Malaysia)

Tn. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar

al-'Aliya (al-Azhar), S.P.I (UK Malaysia)

Encik Khairul Anuar Mohamad

al-'Aliya (Madinah), S.P.I (UK Malaysia)

En Iehsan M. Hasen

al-'Aliya (Baghdad), M.A. (Al-al-Bayt)

En. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

B.A. (UIAM), M.A. (UIAM)

Encik Mohd Zohdi Mohd Amin

al-'Aliya (Al al-Bayt, Jordan), S.P.I (UK Malaysia)

Tutor

Encik Nidzamuddin Zakaria

al-'Aliya (Madinah)

Puan Robiatul Adawiyah Mohd @ Amat

al-'Aliya (Al al-Bayt, Jordan)

Puan Norzulaili Mohd Ghazali

al-'Aliya (Al al-Bayt, Jordan)

Tuan Hj. Norakyairee Mohd Raus

al-'Aliya (al-Azhar)

Ahli Jawatankuasa Seminar

Penaung:

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj Hussin
Rektor KUIM

Penasihat:

Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin
Timbalan Rektor (Akademik & Penyelidikan)
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Persidangan
dan Penyelidikan KUIM

Pengerusi :

Tn Hj. Mohd. Alwi Yusoff
Pemangku Dekan
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah

Pengarah:

Dr. Adel M. Abdulaziz

Setiausaha:

En. Nidzamuddin Zakaria

Penolong Setiausaha:

En. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Bendahari:

Encik Mohd Fauzi Mohd Amin

Persiapan Kertas Kerja:

Dr. Afaf Abdul Ghafur Hameed
En. Khairul Anuar Mohammad

Sijil & Cenderamata:

En. Syed Ahmad Tarmizi Syed Omar
Cik Rabiatal Suria Badaruddin

Logistik & Pendaftaran:

En. Mohd. Fauzi Mohd Amin
Puan Norzulaili Mohd Ghazali

Protokol & Sambutan:

En. Mohd Zohdi Mohd Amin
Puan Zunita Abd. Hamid

Koordinator Program:

En. Ahmad Kamel Mohamed

Promosi & Perhubungan:

En. Mohd. Asri Husain

Penghargaan

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU)
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Haji Husin
Rektor
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Muhamad Zin
Pengerusi
Jawatankuasa Persidangan dan Penyelidikan
Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

Semua Pembentang Kertas Kerja

Jabatan Pendaftar KUIM

Jabatan Canselori KUIM

Jabatan Bendahari KUIM

Pejabat Perhubungan Awam KUIM

Jawatankuasa Persidangan dan Penyelidikan KUIM

Bahagian Pentadbiran Fakulti-fakulti KUIM

Ahli Jawatankuasa Seminar

Dan

Semua para peserta